
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2015/2016

Jun 2016

HGM 512 - KOMINITI DALAM PENGURUSAN BANDAR

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab SATU soalan daripada setiap Bahagian A, B, C dan D.

Bahagian A

1. "Pihak berkuasa memberi tumpuan kepada isu utama yang dikenalpasti oleh komuniti dan memberi perhatian kepada isu dan masalah yang paling utama untuk pembangunan ekonomi selanjutnya" (Van Dijk, 2006). Bincangkan pernyataan di atas dalam konteks pengurusan bandar bersepadu.

[25 markah]

2. Dengan merujuk kepada pengurusan pelupusan sisa pepejal di sebuah bandar yang anda ketahui, bincangkan peranan pemegang taruh (stakeholders) ke arah pengurusan pelupusan sisa yang berkesan dan menjamin kesejahteraan komuniti setempat.

[25 markah]

Bahagian B

3. Bincangkan dasar yang memasukkan elemen gender dan pembangunan di Malaysia dan bagaimana dasar ini meningkatkan kesejahteraan hidup wanita miskin berpendapatan rendah di negara ini.

[25 markah]

4. Bincangkan isu sosial bandar berkaitan kemasukan pekerja migran antarabangsa di Malaysia dan cadangkan nilai murni yang perlu dipupuk bagi mencapai kejiranan lestari antara masyarakat Malaysia dengan pekerja migran.

[25 markah]

Bahagian C

5. Dengan merujuk kepada contoh yang sesuai, bincangkan LIMA isu utama yang dihadapi oleh komuniti bandar berkaitan prestasi perkhidmatan kerajaan tempatan.

[25 markah]

6. Dengan merujuk kepada contoh yang sesuai, bincangkan LIMA cabaran utama yang dihadapi oleh pihak kerajaan dalam menjamin tahap kesihatan komuniti bandar berada pada tahap yang terbaik.

[25 markah]

Bahagian D

7. Dengan merujuk kepada contoh yang sesuai dari mana-mana bandar, bincangkan peranan perancang bandar, arkitek dan ahli sains sosial dalam usaha menentukan dimensi dan persekitaran perumahan bandar yang mencapai kualiti hidup lebih baik.

[25 markah]

8. Huraikan komponen-komponen utama ekonomi hijau di bandar dan bincangkan dengan contoh sesuai bagaimana pengangkutan hijau dapat dicapai dengan pengurangan masalah pencemaran, peningkatan kemajuan sosial dan pertumbuhan ekonomi.

[25 markah]